

## KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 20 JUN 2023

AKHBAR : BULETIN TV3

PAUTAN : [https://www.buletintv3.my/detik-niaga/tiada-rancangan-campur-tangan-pergerakan-ringgit-rafizi/?utm\\_source=BUTV3&utm\\_medium=terkini](https://www.buletintv3.my/detik-niaga/tiada-rancangan-campur-tangan-pergerakan-ringgit-rafizi/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini)

### Tiada rancangan campur tangan pergerakan ringgit – Rafizi



Oleh : Afrina Romzi

PUTRAJAYA: Kerajaan tiada rancangan segera untuk campur tangan bagi menyokong pergerakan ringgit ketika ini.

Sebaliknya, Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, dana kerajaan wajar digunakan untuk membina keupayaan ekonomi dan infrastruktur.

“Paling penting dalam jangka panjang ialah membina keupayaan ekonomi, infrastruktur dan rancangan dan bukannya langkah jangka pendek untuk mempertahankan ringgit. Lagipun bukanlah kita mempunyai rizab yang besar seperti beberapa negara lain dan kita perlu menerimanya.”

“Jika kita membelanjakan katakan RM10 bilion, di manakah cara terbaik kita membelanjakan RM10 bilion? Adakah campur tangan dalam pasaran atau membina lebih banyak sekolah?,” katanya selepas melancarkan Inisiatif Kemudahan Rakyat.

Tambah beliau pasaran modal dan ringgit dijangka lebih baik akhir tahun ini, setelah dasar kerajaan memberi kesan. Hasil dasar kerajaan itu juga hanya dapat diterjemah menerusi data penghujung tahun nanti.

Ini termasuk jumlah penjimatan daripada penyelarasan subsidi elektrik serta matlamat kerajaan untuk mengurangkan defisit fiskal Malaysia kepada 5 peratus.

“Kami ingin memberi tumpuan kepada pembaharuan struktur walaupun mengambil masa untuk pasaran memberi reaksi,” tambah beliau.

Dalam pada itu, pada 6 petang, ringgit ditutup rendah pada 4.6385 berbanding dolar Amerika daripada 4.6265 petang semalam.

Manakala pada 5 petang, FBM KLCI naik 1.0 mata atau 0.07 peratus kepada 1,388.33 daripada paras penutup 1,387.33 petang semalam.